



ورتا فنرغان

Warta Penerangan

APRIL 2014





**Terbitan Bahagian Pengurusan
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri**

“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”

Sidang Redaksi

Penasihat
Awang Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras & Penyemak
Nur Amalina Jennifer binti Abdullah Mok
Hajah Sujimawati binti Mejari

Sumber Berita & Fotografi
PELITA BRUNEI dan
sumbangan pegawai dan kakitangan
Jabatan Penerangan

Isi Kandungan	Muka
Warga Jabatan Penerangan terima penghargaan	5
Hayati bendera negara kukuhkan patriotisme, nasionalisme	6
Semai semangat patriotik murid-murid	7
Jabatan Penerangan, MWNBD pupuk kerjasama terutama isu wanita	8
Si Mercu Gunung juarai 'Fun Bowling'	9
Taklimat kenegaraan Sekolah Rendah Sungai Tali, Lumut	9
Aktiviti sempena Sambutan Hari Penerangan	10-11
Pelbagai aktiviti meriahkan Sambutan Hari Penerangan	12-13
Awasi anak-anak dari penyalahgunaan dadah	14
Hormati bendera negara, hayati lagu kebangsaan	15
Riadah, tingkatkan hubungan dengan masyarakat	16-17
Institusi keluarga penting diperkuuh	18
Sambutan Hari Penerangan Daerah Temburong	19
Majlis Penyerahan Kunci Bangunan Tambahan Ibu Pejabat Jabatan Penerangan	20-21
Aktiviti meriahkan Sambutan Hari Penerangan	22
Kenaikan pangkat pegawai, Pegawai yang baru berkhidmat di Jabatan Penerangan	23
Pegawai-pegawai yang berpindah ke jabatan lain	23
Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai kursus	23
Mesyuarat Persiapan Joint Exhibition Brunei - Thailand 2014	24

WARTA Penerangan merupakan sebuah surat majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang tahun.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan dan sumbangan persendirian pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Bahagian Pengurusan, Tingkat 5, Bangunan Tambahan Baru Jabatan Penerangan.

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

Warga Jabatan Penerangan terima penghargaan

Oleh : Dk. Siti Redzaimi
Pg. Haji Ahmad
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 April. - Bersempena dengan Hari Penerangan Ke-62 Tahun, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri mengadakan Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan Kepada Pegawai dan Kakitangan jabatan berkenaan yang telah lama berkhidmat dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti dan program-program serta memberikan sumbangan ikhlas dalam usaha menerajui Jabatan Penerangan.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan Majlis Penyampaian Sijil kepada para penerima ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

"Dalam jangka masa 30 tahun selepas kemerdekaan, Jabatan Penerangan telah banyak

Seramai 25 pegawai dan kakitangan yang telah berkhidmat selama 25 tahun di Jabatan Penerangan menerima sijil sebagai tanda penghargaan di atas sumbangan mereka selama bekhidmat di jabatan tersebut.

Terdahulu, majlis bermula dengan bacaan Surah Al Faatihah beramai-ramai dipimpin oleh Pengiran Arsul bin Pengiran Haji Abdul Momin.

Sementara itu, Ketua Unit Perhubungan Awam, Dayang Ruhil Amal Faridah binti Awang Yahya semasa menyampaikan ucapan antara lain menyatakan Jabatan Penerangan dalam usia 62 tahun, telah mengalami pelbagai perubahan dan cabaran dalam mengharungi keperluan-keperluan semasa memberikan perkhidmatan dan maklumat kepada masyarakat.

Beliau seterusnya menambah, jabatan berkenaan bukan sahaja mencemerlangkan imej kerajaan kepada masyarakat setempat, tetapi juga dalam arena serantau melalui program-program penerangan ASEAN dan program kerjasama dua hala bersama negara-negara jiran.



PENERIMA sijil menerima tanda penghargaan di atas sumbangan mereka selama bekhidmat di Jabatan Penerangan.

berkembang maju dari segi penyampaian maklumat, infrastruktur dan tenaga manusia, yang mana perkembangan ini amat ketara sekali terutamanya dari segi peranan jabatan berkenaan iaitu sebagai lidah dan telinga kerajaan."



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi semasa bergambar ramai bersama para pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

Hayati bendera negara kukuhkan patriotisme, nasionalisme

Oleh & Foto : Noraizah Muhammed

SUNGAI LIANG, Rabu 2 April. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri Cawangan Daerah Belait mengadakan Taklimat Kenegaraan dalam membentuk masyarakat bermaklumat dan 'Belia Berwawasan 2035' dengan mengamalkan nilai-nilai patriotisme semangat jati diri yang cintakan agama, raja dan negara.

Lanya adalah sebagai usaha menyampaikan wadah membarigakan bendera dan lagu kebangsaan kepada pelajar sekolah rendah, di samping memberikan pendedahan serta pendidikan mengenainya.

Pendekatan dan kerjasama dari kedua-dua belah pihak dengan pelajar sekolah berkenaan merupakan pendekatan kepada masyarakat sasar iaitu memberi pendekatan kepada murid-murid sekolah kerana golongan sasar ini lebih mendengar nasihat apabila diasuh sedari awal sebelum terpengaruh dengan unsur-unsur negatif.

Pegawai Penerangan yang juga selaku Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Awang Haji Dayang bin Haji Kasim menerangkan program kempen menghayati bendera negara dan lagu



NYANYIAN lagu patriotik sambil mengibarkan bendera Negara Brunei Darussalam memeriahkan lagi suasana dewan sekolah berkenaan.

kebangsaan dan misi Jabatan Penerangan bertujuan untuk mengukuhkan patriotisme dan nasionalisme.

Jabatan Penerangan sentiasa meneruskan program seumpama ini ke sekolah-sekolah termasuk sekolah menengah di seluruh negara dan institusi tertinggi di keempat-empat buah daerah.

Program berkenaan dihasratkan akan dapat menanamkan dan mempertingkatkan kesedaran rakyat dan penduduk negara ini mengenai peranan dan tanggungjawab dalam mengibarkan bendera negara dan menghormati lagu kebangsaan semasa hari-hari kebesaran dengan mematuhi aturan-aturan dalam tempoh jangka masa yang ditetapkan selain bertujuan untuk meningkatkan penghayatan dan pemahaman khususnya dalam kalangan pelajar Tahun 4, 5 dan

6 terhadap lagu kebangsaan dan bendera negara ke arah kesedaran hidup berbangsa dan beragama berdasarkan falsafah Melayu Islam Beraja.

Sementara, Penolong Pegawai Penerangan Cawangan Belait, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar, selaku wakil Pemangku Pengarah Penerangan hadir pada acara berkenaan di Sekolah Rendah Sungai Liang, Belait.

Dalam taklimat, beliau menyentuh kedaulatan sesebuah negera itu terletak ke atas sebuah bendera.

Program berkenaan juga bagi menggalakkan dan membudayakan amalan pengibaran bendera negara dalam kalangan rakyat serta menggalakkan rakyat dan penduduk untuk mengibarkan bendera dan menyanyikan lagu kebangsaan dengan lebih bersemangat dan patriotik.

Bagi seorang pelajar Dayang Siti Nur Batrisyia Adawiyah binti Abdul Aziz, 9 tahun berasa bertuah dengan pengetahuan yang diterimanya mengenai bendera, Lagu Kebangsaan dan Lagu Patriotik dengan mengongsikan pengetahuannya itu kepada kedua ibu bapanya.



SESI bergambar kenangan bersama guru dan murid-murid Sekolah Rendah Sungai Liang, Belait.

Semai semangat patriotik murid-murid

Oleh & Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omarallie

KUALA BELAIT, Sabtu, 5 April. - Kuiz kenegaraan telah berjaya mendapat respon yang sungguh menggalakkan daripada murid-murid Sekolah Rendah Ahmad Tajuddin.

Kuiz kenegaraan telah dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dan disusuli dengan menyanyikan lagu kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan lagu patriotik 'Bendera Negara.'

Kesemua 17 soalan meliputi 15 soalan objektif dan dua soalan subjektif mengenai bendera negara dan lagu kebangsaan Negara Brunei Darussalam telah berjaya dijawab oleh murid-murid yang terpilih dari kalangan murid-murid Tahun 4, 5 dan 6.

Kuiz kenegaraan yang dikemukakan oleh Pegawai Luar Penerangan, Dayang Siti Haniza binti Azari merupakan salah satu pengisian Majlis Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara' bagi sekolah-sekolah rendah seluruh negara 2014 peringkat Daerah Belait yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dikendalikan oleh Jabatan Penerangan Cawangan Belait dengan kerjasama Sekolah Rendah Ahmad Tajuddin.

Murid-murid yang telah berjaya menjawab soalan kuiz telah menerima hadiah yang disampaikan oleh Penolong Guru Besar sekolah itu, Awang Haji Ja'afar bin Ahmad

Taklimat kenegaraan



PENOLONG Guru Besar, Awang Haji Ja'afar bin Ahmad menerima cenderahati kenangan buku-buku terbitan (kiri) dan seorang murid menerima hadiah setelah berjaya menjawab kuiz (kanan).

di Dewan Serbaguna Sekolah berkenaan.

Sebelum kuiz, murid-murid berjumlah 119 orang terdiri daripada 35 murid Tahun 4, 39 murid Tahun 5 dan 45 murid Tahun 6 telah mendengar taklimat menghayati lagu kebangsaan dan bendera negara yang disampaikan oleh Dayang Siti Haniza dan diikuti dengan tayangan video klip 'Kibarkanlah dengan megah Bendera Negara.'

Tayangan video klip tersebut antara lain, memaparkan sejarah bendera kebangsaan, erti setiap warna dan lambang (panji-panji) yang terdapat pada bendera, waktu menaikkan bendera, ukuran dan cara memasang tiang bendera serta peraturan mengibar bendera.

Taklimat kenegaraan bertujuan bagi meningkatkan kefahaman dan menanamkan semangat patriotik kepada murid-murid mengenai bendera dan lagu kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Taklimat selaras dengan tugas dan tanggungjawab Jabatan

Penerangan untuk menyebarkan maklumat pada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam dalam usaha untuk meningkatkan lagi imej kerajaan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Taklimat itu juga, untuk menyuntik dan menanam semangat patriotisme atau semangat jati diri kebruneian yang cintakan raja, agama dan negara di kalangan rakyat dan penduduk negara ini dan sebagai tanda ketaatan kepada kepimpinan baginda yang tidak berbelah bahagi sebagaimana yang telah dianjurkan oleh agama Islam berdasarkan adat istiadat diraja Brunei.

Penolong Pegawai Penerangan, Jabatan Penerangan Cawangan Belait, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar telah menyampaikan cenderahati kenangan dan buku-buku terbitan Jabatan Penerangan kepada Penolong Guru Besar, Awang Haji Ja'afar bin Ahmad.



MURID-MURID Tahun 4, 5 dan 6 Sekolah Rendah Ahmad Tajuddin, Kuala Belait mendengar Taklimat Kenegaraan Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara (kiri) dan seorang murid semasa menjawab soalan kuiz (atas).



SESI bergambar ramai Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam semasa membuat lawatan ke Jabatan Penerangan.

Jabatan Penerangan, MWNBD pupuk kerjasama terutama isu wanita

Oleh : Wan Mohamad
Sahran Wan Ahmadi
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 April. - Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD) amat peka dengan isu-isu yang berkaitan dengan penglibatan kaum wanita dalam sama-sama mengembangmajukan dari pelbagai bidang seiring arus pembangunan moden kini.

Sejakar dengan strategi salah satu program Jabatan Penerangan melalui Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan dalam membarigakan wanita bermaklumat, inisiatif MWNBD untuk mewujudkan



ROMBONGAN juga berkesempatan melawat Bahagian Pelita Brunei, Unit Penerbitan Berita Inggeris dan Unit Foto.

kerjasama dengan melibatkan diri dalam sama-sama membantu menangani isu-isu pengangguran dalam kalangan wanita terutama para belia.

Langkah sedemikian dapat lagi membarigakan secara meluas kepada masyarakat akan peranan dan kegiatan 13 persatuan yang bernaung di bawah MWNBD, di samping membincangkan isu berkaitan kekeluargaan termasuk wanita melalui program yang diusahakan itu.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Yang Di-Pertua (YDP) MWNBD, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam binti Pengiran Haji Matarsat selepas mengetuai rombongan Majlis Wanita mengadakan lawatan ke Jabatan Penerangan.

Kunjungan lawatan seramai 30 orang ahli daripada 13 persatuan tersebut dialu-alukan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad serta pegawai-pegawai kanan di jabatan tersebut.

Dalam sesi lawatan tersebut, Ketua Unit Perhubungan Awam, Dayang Ruhil Amal Faridah binti Yahya memberikan penerangan mengenai sejarah dan perkembangan jabatan termasuk visi

dan misi serta peranannya antara lain sebagai lidah dan mulut kerajaan dalam menyampaikan maklumat dan berita mengenai dasar, aktiviti dan program kerajaan.

Sementara itu, YDP MWNBD juga menyatakan perancangan pertubuhan yang menjangkau hampir 30 tahun itu juga akan meraikan Hari Wanita ASEAN pada bulan Julai.

Selain itu, mereka akan bergiat aktif dengan menghadiri Persidangan dan Mesyuarat ASEAN Confederation of Women Organisations (ACWO) di Kuala Lumpur, Malaysia, di samping mengadakan Projek Jalinan Emas serta beberapa acara tahunan lain termasuk aktiviti sukan.



LAWATAN dari Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam yang diketuai oleh Yang Dipertua MWNBD Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam binti Pengiran Haji Matarsat.

Si Mercu Gunung juarai ‘Fun Bowling’



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad menyampaikan hadiah dan Piala Pusingan kepada Juara ‘Fun Bowling’ Jabatan Penerangan, pasukan Si Mercu Gunung.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 13 April. - Si Mercu Gunung muncul juara berpasukan pada acara ‘Fun Bowling’ Sempena Sambutan Hari Penerangan Kali Ke-62, 2014 yang diadakan di Megastrike Bowling, Airport Mall.

Sementara naib juara dan tempat ketiga berpasukan di acara tersebut masing-masing dimenangi oleh Frozen dan Jangan Menyerah Kalah, manakala Putar Alam pula mendapat tempat keempat.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ‘Fun Bowling’ ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Juara berjaya mengutip jumlah keseluruhan 1,437 jatuh pin dengan menerima hadiah piala pusingan, piala iringan, hadiah dan pingat, sementara pemenang naib juara dan tempat ketiga yang memperolehi jumlah keseluruhan 1,401 dan 1,183 jatuh pin pula menerima hadiah berupa piala iringan, hadiah dan pingat.

Tetamu kehormat juga seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang bagi ‘Highest Pin Fall’ yang dirangkul oleh Awang Abdullah bin Asgar dengan jumlah 430 jatuh pin dan kemudiannya kepada pemenang ‘Best Dressed’ dan ‘Best Supporter’.

Acara ini merupakan julung-julung kalinya diadakan di jabatan tersebut yang antara lain bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara pegawai-pegawai dan kakitangan di jabatan berkenaan.

Ianya adalah sebagai salah satu aktiviti tahunan sempena sambutan jabatan tersebut, di samping menggalakkan para pegawai dan kakitangan di jabatan itu untuk lebih aktif dalam menyertai aktiviti kesukanan.

Taklimat kenegaraan Sekolah Rendah Sungai Tali, Lumut

Oleh & Foto : Noraizah Muhammed

SUNGAI TALI, Sabtu, 19 April. - Ke arah usaha memberi pendedahan dalam memelihara bendera negara dan lagu kebangsaan agar dalam berkeadaan baik dan lebih patriotik, Jabatan Penerangan, Cawangan Daerah Belait mengadakan Taklimat Kenegaraan bagi ‘Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara’ bagi Sekolah Rendah Sungai Tali, Lumut.

Hadir bagi mengalu-alukan rombongan dari jabatan berkenaan ialah Guru Kanan Sekolah Rendah Sungai Tali, Dayang Hajah Sarina binti Haji Yahya.

Seramai 220 orang murid terdiri daripada murid Tahun 4, 5 dan 6 dari sekolah berkenaan hadir pada taklimat yang disampaikan oleh Pegawai Luar Penerangan, Awang Rafa'ee bin Ya'akub.


‘Program Taklimat Kenegaraan Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara Brunei Darussalam bagi Sekolah-Sekolah Rendah Seluruh Negara 2014 bagi Peringkat Daerah Belait’ di Sekolah Rendah Sungai Tali Lumut, Belait bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan semangat patriotik para pelajar mengenai bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Taklimat berkenaan antara lain juga menyeru agar rakyat dan penduduk khususnya generasi muda di negara ini hendaklah mengibar dan menurunkan bendera negara pada waktu yang telah ditetapkan, seperti lazimnya diumumkan melalui media massa kerajaan seperti PELITA BRUNEI dan Radio Televisyen Brunei (RTB).



TIDAK melepaskan peluang... Sesi menjawab soalan kuiz merupakan antara aktiviti yang diminati oleh murid sekolah tersebut.

Aktiviti sempena Sambutan Hari Penerangan



Oleh: Nooratini Haji Abas
Foto: Haji Ariffin Mohd. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 April. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri mengadakan Majlis Pembukaan Sambutan Hari Penerangan Kali Ke-62 Sempena memperingati penubuhannya pada 1 April 1952.

Hadir pada majlis yang berlangsung di Dewan Auditorium, jabatan berkenaan ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Turut hadir ialah Pemangku Penolong Pengarah Rendah Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Awang Nudin bin Haji Mohammad.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dipimpin oleh Pengiran Asril bin Pengiran Haji Mumin dan diteruskan dengan nyanyian lagu kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan 'Bendera Negara' yang juga diiringi oleh kumpulan koir jabatan tersebut.

Seterusnya, majlis diikuti dengan tayangan klip video 'Jabatan Penerangan' dan taklimat 'Bendera dan Menghayati Lagu Kebangsaan' disampaikan oleh Ketua Unit Kenegaraan, Jabatan Penerangan, Awang Haji Dayang bin Haji Kasim.

Dalam taklimatnya, beliau menerangkan tentang maksud



SEORANG murid mencuba untuk menjawab soalan kuiz.

menghayati itu ialah menjiwai, meresapkan ke dalam jiwa, memahami dan mengenali erti penghayatan tersebut.

Menurut beliau, bendera adalah sepotong kain segi empat atau segi tiga yang mempunyai reka bentuk tertentu yang digunakan sebagai lambang negara, perkumpulan dan sebagainya.

"Lambang rasmi panji-panji negara ini mengandungi bendera, payung ubor-ubor, sayap, tangan (kimbap) dan bulan."

Selain itu, beliau juga menghuraikan mengenai peranan



SEBAHAGIAN daripada peralatan dan risalah bercetak yang pernah digunakan di Jabatan Penerangan.

bendera kepada negara, waktu menaikkan bendera, peraturan dan tatacara menyanyikan lagu kebangsaan.

Awang Mawardi kemudiannya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pelajar yang telah menjawab soalan kuiz dalam taklimat berkenaan.

Sementara itu, Penolong Pegawai Perhubungan Awam, Jabatan Penerangan, Dayang Nur Zahirah binti Haji Osman selaku Timbalan Setiausaha Jawatankuasa Kerja sambutan tersebut menjelaskan, tujuan sambutan itu adalah untuk mempromosikan perkhidmatan dan produk jabatan itu melalui pameran dan taklimat.

"Jabatan ini juga dalam usaha berterusan untuk meningkatkan lagi hubungan dengan masyarakat, terutama sekali dengan ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan para belia melalui program-program kenegaraan dan kemasyarakatan".

Pada majlis itu, juga turut diserikan dengan persembahan sketsa drama yang dibawakan oleh pelajar-pelajar dari Sekolah Rendah Datu Ratna Haji Muhammad Jaafar, Kiarong dan lawatan pameran.

Sambutan ini diadakan selama tiga hari yang turut melibatkan pelajar-pelajar dari Sekolah Rendah Amar Pahlawan, Sekolah Rendah Anggerek Desa, Sekolah Menengah Menglait, Sekolah Menengah Berakas, Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI), Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam, Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Sekolah Ugama Arab Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Damit dan Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna.

Kempen Menderma Darah juga diadakan pada 22 April 2014 di Dewan Pengiran Setia Negara, Jabatan Penerangan selain Kejohanan Futsal Piala Pengarah Penerangan dan Kejohanan Bola Jaring diadakan pada 4 Mei 2014.

Pelbagai aktiviti meriahkan Sambutan Hari Penerangan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 April. - Penerapan nilai kenegaraan dalam kalangan generasi muda khususnya para pelajar melalui pelbagai inisiatif yang dilaksanakan oleh Jabatan Penerangan dihasrat akan dapat melatih mereka untuk lebih peka terhadap kesedaran hidup berbangsa dan beragama.

Inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan ini telah mengajak pelajar-pelajar untuk menjadi 'role model' dan pelajar contoh yang sentiasa menghormati Bendera Negara dan mengambil maklum mengenai isu-isu semasa.

Sebagai acara kesinambungan Sambutan Hari Penerangan Ke-62, Jabatan Penerangan meneruskan lagi sesi Taklimat Bendera dan Menghayati Lagu Kebangsaan dengan melibatkan seramai 135 penuntut dari Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI), Sekolah Menengah Sultan

Muhammad Jamalul Alam (SMJA) dan Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien.

Hadir pada sesi taklimat yang berlangsung di Dewan Auditorium, bangunan baru Jabatan Penerangan ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Taklimat berkenaan disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan Cawangan Tutong, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail yang antara lain menerangkan mengenai sejarah bendera rasmi Negara Brunei Darussalam serta peranan dan tatacara menaikkan bendera.

Terdahulu, Ketua Unit Perhubungan Awam, Dayang Ruhil Amal Faridah binti Awang Yahya menjelaskan, Hari Penerangan merupakan acara Sambutan Penubuhan Jabatan Penerangan pada 1 April 1952.

Beliau menjelaskan sambutan yang diadakan sepanjang bulan April ini bertujuan untuk mendekatkan lagi Jabatan Penerangan dan masyarakat dengan mengadakan pelbagai



TAKLIMAT dan penerangan ringkas mengenai PELITA BRUNEI disampaikan oleh Pegawai Penerangan (Ketua Meja 'A'), Bahagian PELITA BRUNEI, Awang Ali Termizzi bin Haji Ramli/Haji Ramli.

acara seperti taklimat Kenegaraan, Pameran Hari Penerangan, Acara Riadah Kemasyarakatan dan acara-acara sukan.

Melalui sambutan tersebut beliau berharap para pelajar akan lebih memahami tugas dan peranan Jabatan Penerangan dan dalam masa yang sama membantu jabatan untuk memahami isi kandungan taklimat serta mengongsikan maklumat ini dengan rakan-rakan lain di sekolah masing-masing.



PENUNTUT sekolah menyaksikan salah sebuah peralatan yang pernah digunakan di Jabatan Penerangan (kiri) dan salah seorang pegawai yang turut serta dalam Kempen Menderma Darah (kanan).



PEMANGKU Pengarah Penerangan menjalani ujian pemeriksaan kesihatan.

Sesi taklimat kemudian diteruskan oleh Pegawai Penerangan (Ketua Meja 'A'), Bahagian PELITA BRUNEI, Awang Ali Termizzi bin Haji Ramli / Haji Ramli dengan penerangan mengenai PELITA BRUNEI kepada para pelajar ke arah meningkatkan lagi kefahaman mengenai Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI yang sekarang diterbitkan tiga kali seminggu dan dapat dilayari secara 'online' setiap hari di laman sesawang www.pelitabrunei.gov.bn.

Pada sesi taklimat tersebut beliau juga menjelaskan mengenai

Sejarah terbentuknya PELITA BRUNEI, Struktur Organisasi Bahagian PELITA BRUNEI, Struktur Kerja, Ikon-ikon berita, tugas dan tanggungjawab kakitangan PELITA BRUNEI dan sebagainya.

Di samping itu, beliau memberikan keyakinan kepada pelajar-pelajar untuk memberikan sumbangan berbentuk penulisan untuk disiarkan di dalam PELITA BRUNEI sebagai inisiatif pelajar dalam meningkatkan mutu penulisan mereka. Pada akhir sesi taklimat, kuiz mengenai PELITA BRUNEI juga diadakan bagi



SEBANYAK 20 pain darah telah berjaya dikumpul melalui Kempen Menderma Darah tersebut.

memberikan kefahaman yang mendalam mengenai Akhbar Rasmi Kerajaan tersebut.

Sementara itu, Jabatan Penerangan juga berjaya mengumpulkan sebanyak 20 pain darah melalui Kempen Menderma Darah yang merupakan acara sampingan sempena Sambutan Hari Penerangan.

Hadir menyertai kempen darah tersebut ialah Pemangku Pengarah Penerangan, pegawai-pegawai perhubungan awam kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan serta ahli-ahli media kerajaan dan swasta. Taklimat mengenai kebaikan menderma darah pula disampaikan oleh Penyelia Pusat Pendermaan Darah, Awang Haji Matusop bin Haji Daud.

Kempen yang bermula pulak 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari itu dikendalikan oleh 12 pegawai daripada Pusat Pendermaan Darah.

Dengan adanya kempen ini, ia diharap dapat meningkatkan kesedaran tentang kebaikan menderma darah, menanam sifat prihatin terhadap penderitaan insan yang lain dan seterusnya meningkatkan kesedaran tentang perlunya untuk sentiasa mempunyai tubuh badan yang sihat dan mengamalkan gaya hidup sihat.

Awasi anak-anak dari penyalahgunaan dadah

Oleh : Aimi Sani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 April. - Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan & Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Biro Kawalan Narkotik (BKN) telah menganjurkan Program Awasi Anak Kitani Sempena Sambutan Hari Penerangan 2014, bertempat di Dewan Auditorium, Jabatan Penerangan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Terdahulu majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dipimpin oleh Pengiran Arsul bin Pengiran Haji Abd. Momin diikuti dengan penjelasan mengenai isu dadah disampaikan oleh Pegawai BKN, Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Samsuddin dan Mayor dari Pusat Al-Islah, Awang Suhardy @ Muhammad Syamsul Hadi bin Musa.

Lebih 50 orang penduduk dari Mukim Sengkurong dan Mukim

Kilanas terdiri daripada ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK), penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung, ibu bapa dan penjaga menghadiri program tersebut.

Pada majlis itu, para hadirin juga berpeluang menyaksikan pameran-pameran Jabatan Penerangan dan BKN.

Majlis antara lain bertujuan untuk mewujudkan kesedaran ibu bapa dan penjaga tentang pentingnya mengawal anak masing-masing terhadap penyalahgunaan dadah serta bagaimana untuk menghadapi anak-anak yang telah terjerumus dalam aktiviti yang tidak sihat.

PEMANGKU Pengarah Penerangan Awang Mawardi bin Haji Mohammad menyampaikan cenderahati kepada Penghulu Mukim Sengkurong dan juga Penghulu Mukim Kilan (kanan).



PENCERAMAH dari Biro Kawalan Narkotik dan Pusat Al-Islah mengongsikan maklumat pengawasan terhadap anak-anak daripada terjebak ke kancang penggunaan naja dadah.



SEORANG ahli Majlis Perundingan Mukim mengajukan soalan semasa program tersebut (kiri) dan salah seorang ahli Majlis Perundingan Mukim berinteraksi dengan seorang pegawai Biro Kawalan Narkotik yang turut serta dalam acara pameran (kanan).



Hormati bendera negara, hayati lagu kebangsaan

Oleh : Aimi Sani
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 April. - Seramai 135 pelajar dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS), Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna (SMPAPHM) dan Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SUAMPRIPAD), berkunjung ke Jabatan Penerangan bagi menghadiri Sambutan Hari Penerangan 2014.

Acara dimulakan dengan koir nyanyian Lagu Kebangsaan ‘Allah Peliharakan Sultan’ dan ‘Bendera Negara’ oleh pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.



PELAKON cilik murid-murid Sekolah Rendah Datu Ratna Haji Muhammad Jaafar, Kiarong semasa bergambar kenangan (kiri) dan pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan mempersembahkan koir ‘Bendera Negara’ di awal majlis (kanan).

Bagi memeriahkan suasana sambutan tersebut, sebuah sketsa drama berjudul ‘Erti Sebuah Pengorbanan’ dipentaskan oleh murid-murid Sekolah Rendah Datu Ratna Haji Muhammad Jaafar, Kiarong.

Acara kemudian diikuti dengan taklimat mengenai ‘Bendera dan Menghayati Lagu Kebangsaan’ yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Awang Haji Salleh bin Haji Yusof.

Seni kata Lagu Kebangsaan ‘Allah Peliharakan Sultan’ itu berunsurkan doa kepada Tuhan, semoga raja dan negara sentiasa dalam keselamatan dan kesejahteraan.

Menyentuh mengenai tatacara ketika menyanyikan lagu kebangsaan, ianya hendaklah dilakukan dengan berdiri tegak dan memberi penghormatan yang selayaknya sehingga berakhir lagu dan bukannya sambil lewa.

“Kita hendaklah menyanyikan lagu kebangsaan mengikut seni kata dan irama lagu serta dengan penuh tatatertib serta semangat kenegaraan yang tinggi, selain memahami dan menghayati seni kata lagu kebangsaan yang dinyanyikan”.

Acara diakhiri dengan kuiz mengenai taklimat yang disampaikan bagi menguji minda para penuntut.



Riadah, tingkatkan hubungan dengan masyarakat

Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

MUARA, Ahad, 27 April. - Dalam usaha berterusan meningkatkan hubungan dengan masyarakat khasnya dengan Majlis Perundingan Kampung (MPK) dan para belia, Jabatan Penerangan telah mengadakan acara mendaki Taman Riadah Bukit Mentiri.

Acara riadah bersama Majlis Perundingan Kampung Mentiri sempena penubuhan Jabatan Penerangan Ke-62 Tahun telah dihadiri oleh para pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan, ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) serta para penduduk kampung sekitarnya.

Juga hadir ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad; Penghulu Mukim Mentiri, Pengarah Haji Abdul Rahman bin Haji Naim dan Ketua Kampung Mentiri, Awang Haji Bujang bin Sabtu.



AHLI Majlis Perundingan Kampung Mentiri memberi taklimat mengenai Bukit Mentiri.

Acara dimulakan dengan memanaskan badan senam robik, bergambar ramai seterusnya mendaki Bukit Mentiri keseluruhannya sejauh lima kilometer.

MPMK

Kampung Mentiri

melalui biro wanitanya juga berpeluang untuk memperkenalkan produk-produk kampung berkenaan seperti hasil kraf tangan, kuih muih asli, membungkus kelupis



(mengelupis), menganyam bakul dan tikar serta beberapa permainan hiburan mengikut peringkat umur selain itu, jualan mini yang menawarkan makanan, minuman, pakaian, buah-buahan dan ikan segar juga diadakan.

Taman Riadah Bukit Mentiri mula dimajukan lebih 10 tahun lalu sebagai sebuah kawasan riadah dan peranginan bagi kawasan-kawasan Kampung Mentiri, Perpindahan Mentiri, Kampung Batu Marang, Kampung Sungai Besar dan Kampung Sungai Belukut.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad ketika menunjukkan kelupis hasil produk MPMK Kampung Mentiri melalui biro wanita.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad bergambar ramai bersama Penghulu Mukim Mentiri, Pengarah Haji Abdul Rahman bin Haji Naim, Ketua Kampung Mentiri, Awang Haji Bujang bin Sabtu dan para pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan serta ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK).

PELBAGAI permainan, hiburan, jualan mini dan aktiviti lainnya turut mendapat sambutan daripada penduduk sekitar kampung tersebut.

Institusi keluarga penting diperkukuh

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 28 April. - Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan adalah untuk memupuk kefahaman kepada masyarakat betapa pentingnya institusi keluarga diperkukuhan serta dimantapkan lagi bagi kesepadan dan kestabilan sosial, ketahanan nasional dan kesejahteraan hidup masyarakat.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman berkata, kemantapan institusi utama masyarakat dapat diperkukuhan dengan adaya jalinan kerjasama, bantu-membantu dan hormat-menghormati di antara ahli-ahli keluarga itu sendiri yang pada asasnya terdiri daripada ibu, bapa dan anak-anak.

Menjelaskan perkara itu pada Sidang Media mengenai Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2014 di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Yang Mulia Datin Paduka juga menyentuh tema Sambutan

Hari Keluarga tahun ini, 'Keluarga Berwawasan' yang dihasratkan bagi meningkatkan lagi penyatuhan dan perpaduan seluruh rakyat dan penduduk di negara ini bagi sama-sama menjaga kesejahteraan dan keamanan negara.

Perkara itu tambahnya, adalah selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 6 Mac lepas yang menekankan mengenai pentingnya perpaduan masyarakat di negara ini tanpa mengira apa jua suku kaum dan pegangan yang menjadi benteng serta kekuatan semula jadi di dalam memelihara keamanan dan kesejahteraan negara.

Antara kegiatan yang mengisikan sambutan terangnya ialah seperti aktiviti-aktiviti keagamaan, pendidikan, sukan, riadah dan kebudayaan yang menjurus ke arah mengeratkan kekeluargaan.

Sempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan tahun ini, satu Majlis Penyampaian Hadiah Anak-Anak Damit yang lahir pada 4 Mei 2014 akan diadakan di hospital-hospital utama di seluruh negara pada 5 Mei 2014.



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman.

Sebagai kesinambungan sambutan tahun ini, KKBS dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Ugama mengadakan Majlis Perhimpunan Keluarga dengan pengisiannya seperti ceramah khas daripada penceramah undangan.

Pada majlis tersebut Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan juga mengalau-alukan pengikatan pihak-pihak swasta, syarikat-syarikat, restoran-restoran, bank-bank dan hotel-hotel untuk turut sama memberikan sokongan umpamanya dengan memberikan pelanggan mereka tawaran dan diskauan yang istimewa.



PENYAMPAIAN poster Hari Keluarga Kebangsaan 2014 kepada Yang Mulia Datin Paduka daripada wakil Jabatan Penerangan, Awang Khairulhadi bin Haji Muhd. Muhtaddir.

Sambutan Hari Penerangan Daerah Temburong

Oleh : Ampuan Roza Amalyati Ampuan Hussain
Foto : Ah Chua

TEMBURONG, Isnin, 28 April. - Sempena memperingati penubuhan Jabatan Penerangan Ke-62 Tahun, Jabatan Penerangan Cawangan Daerah Temburong mengadakan Majlis Sambutan Hari Penerangan 2014.



KETUA Cawangan Penerangan Daerah Temburong, Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad menyampaikan ucapan ringkas.

Sambutan yang berlangsung selama tiga hari bermula dengan berlangsungnya Majlis Resepsi Bersama Ketua-Ketua Cawangan Jabatan Kerajaan Daerah Temburong, bertempat di Dewan Muafakat, Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan Pekan Bangar.

Antara yang hadir dalam majlis ini ialah Pemangku Pengarah

Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad; Penolong Pegawai Daerah Temburong, ketua-ketua cawangan jabatan-jabatan kerajaan Daerah Temburong serta pegawai-pegawai kanan Jabatan Penerangan.

Berucap dalam majlis ini ialah Ketua Cawangan Penerangan Daerah Temburong, Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad antara lain menerangkan Majlis Sambutan Hari Penerangan 2014 bagi Daerah Temburong bertujuan bagi mempromosikan Perkhidmatan dan Produk Jabatan Penerangan melalui Pameran dan Taklimat.

Sementara penganjuran Majlis Resepsi yang julung-julung kalinya diadakan, bagi mengeratkan hubungan silaturahim yang sudah terjalin di antara Jabatan Penerangan dengan jabatan-jabatan kerajaan di daerah ini, di samping memberi kesempatan bagi pegawai-pegawai Jabatan Penerangan untuk bersua muka dan suai kenal



HADIR di majlis ini ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad, pegawai-pegawai kanan kerajaan di daerah ini serta dari Jabatan Penerangan.

bersama ketua-ketua dan pegawai-pegawai kanan jabatan-jabatan kerajaan di Daerah Temburong.

Sambutan diisikan dengan tayangan klip video Jabatan Penerangan, Pameran Sambutan Hari Penerangan yang antara lain memaparkan latar belakang dan sejarah penubuhan Jabatan Penerangan, perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan oleh jabatan sejak penubuhannya serta bahan-bahan terbitan Jabatan Penerangan.

Sambutan selama tiga hari itu dimuatkan dengan Program Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Kuiz Kenegaraan serta Tayangan Video yang dibukakan kepada guru-guru, para pelajar serta orang ramai.



BEBERAPA peralatan dan produk yang pernah digunakan turut dipamerkan.

Majlis Penyerahan Kunci Bangunan Tambahan Ibu Pejabat Jabatan Penerangan



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad menerima kunci bangunan tambahan Ibu Pejabat Jabatan Penerangan.



WAKIL Unicorn Engineering Sendirian Berhad berinteraksi bersama Awang Haji Roslan semasa melawat ke bangunan tambahan baru Jabatan Penerangan.

Oleh :
Hajah Sujimawati Mejari
Foto :
Haji Ariffin Haji Mohd. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 15 April. - Pada tahun ini merupakan tahun bersejarah bagi warga Jabatan Penerangan yang mana setelah mencapai usia ke-62 tahun, sebuah bangunan tambahan telah siap dibina dan dinaiktaraf. Tahun berganti tahun, bulan berganti bulan, terdapat banyak perubahan yang dapat kita lihat baik dari segi visi, misi sebagai sebuah agensi yang

dipertanggungjawabkan menyebarkan maklumat. Dengan adanya bangunan tambahan yang baru ini, dapatlah lagi menguatkan semangat pegawai dan kakitangan membarigakan hasrat kerajaan dalam menyiarkan maklumat yang lebih berkesan, efisien dan produktif.

Penyerahan kunci diserahkan daripada wakil Unicorn Engineering Sendirian Berhad kepada Pemangku Penolong Pengarah Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Kerja Raya, Awang Haji Roslan bin Datu Hulubalang Haji Abdul Wahab dan seterusnya diserahkan

kepada Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Bagi memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Pengiran Haji Zahri bin Pengiran Adi.

Pada akhir majlis, pegawai dan kakitangan membuat lawatan ke bangunan tambahan baru Jabatan Penerangan.

Projek Tambahan Bangunan Ibu Pejabat, Jabatan Penerangan bernilai kira-kira BND5.5 juta itu telah siap pada 9 November 2013 dengan mempunyai dewan kuliah yang boleh menampung kira-kira 200 orang pada satu masa, bilik mesyuarat dan pejabat pentadbiran dan kewangan.



SEBAHAGIAN daripada pegawai dan kakitangan yang hadir bagi sama-sama mengaminkan bacaan doa pada majlis berkenaan.



ANTARA tempat yang dilawat termasuk dewan kuliah, pejabat, ruang penyambut tetamu, bilik mesyuarat yang bilik kemudahan lainnya.



DOA selamat dibacakan oleh Pengiran Haji Zahri bagi memberkati Majlis Penyerahan Kunci Bangunan Tambahan Ibu Pejabat Jabatan Penerangan.

BANGUNAN tambahan bu Ibu Pejabat Jabatan Penerangan lima tingkat, menelan belanja kira-kira BND5.5 juta.

Aktiviti meriahkan sambutan Hari Penerangan

Oleh : Ampuan Roza Amalyati Ampuan Hussain
Foto : Ah Chua

TEMBURONG, Selasa, 29 April.- Majlis Sambutan Hari Penerangan 2014 di Daerah Temburong diteruskan pada hari kedua dengan mengadakan program berbentuk Kenegaraan dan Kemasyarakatan.

Hampir 70 orang pelajar termasuk pelajar menengah bawah dari Sekolah Menengah Sultan Hassan, Bangar dan Sekolah Persediaan Arab Temburong serta murid-murid Tahun 6 Sekolah Rendah Suria Jaya hadir menyertai program yang berlangsung di Dewan Muafakat, Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan Pekan Bangar.

Program dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah diikuti nyanyian Lagu Kebangsaan ‘Allah Peliharakan Sultan’ serta lagu ‘Bendera Negara’ oleh Kumpulan Koir Jabatan Penerangan.

Para pelajar berserta guru-guru pengawas juga mendengarkan satu taklimat Kenegaraan bertajuk

‘Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan’ yang disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Noriah binti Haji Abdul Hamid.

Ini diikuti dengan tayangan klip video ‘Kibarkanlah Bendera Negara Dengan Megah’, segmen Kuiz Hari Penerangan serta satu lagi tayangan klip video Muzikal daripada pelajar Sekolah Rendah Datu Ratna Haji Muhammad Jaafar, Kiarong.

Para pelajar yang mengikuti Kuiz Hari Penerangan turut menerima hadiah yang disampaikan oleh Ketua Cawangan Penerangan Daerah Temburong, Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad.

Para pelajar dan guru-guru pengawas pada akhir program juga menyaksikan tayangan klip video Korporat Jabatan Penerangan serta menyaksikan Pameran Sambutan Hari Penerangan yang antara lain memaparkan latar belakang dan sejarah penubuhan Jabatan Penerangan, perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan



TAKLIMAT Kenegaraan bertajuk ‘Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan’ yang disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Noriah binti Haji Abdul Hamid.

oleh jabatan sejak penubuhannya serta bahan-bahan terbitan Jabatan Penerangan.

Program-program yang disusun sepanjang tiga hari itu adalah selaras dengan objektif utama penganjuran Majlis Sambutan Hari Penerangan 2014 iaitu bagi mempromosikan Perkhidmatan dan Produk Jabatan Penerangan melalui Pameran dan Taklimat.



HAMPIR 70 pelajar termasuk dari Sekolah Menengah Sultan Hassan, Bangar dan Sekolah Persediaan Arab Temburong serta murid murid Tahun 6 Sekolah Rendah Suria Jaya menyertai program berkenaan.



Kenaikan pangkat pegawai di Jabatan Penerangan



Awang Abdullah bin Asgar @ Askar
Penolong Penyunting Tingkat II di Meja C,
Bahagian Pelita Brunei
Tarikh Kenaikan: 14 April 2014

Jabatan Penerangan mengucapkan selamat datang kepada seorang pegawai yang berkhidmat di jabatan ini:



Awang Mohamad Yussri bin Ramli
Penyelia Pejabat
Tarikh Melapor : 1 April 2014

Pegawai-pegawai yang berpindah ke jabatan lain:



Awang Hilmy bin Haji Zainal berpindah ke Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri
Tarikh Berpindah: 29 April 2014



Dayang Hajah Noraini @ Hajah Masnunah binti Haji Mohd. Rakawi berpindah ke Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Tarikh Berpindah: 1 April 2014

Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai kursus pada bulan ini :

Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar
“Public Sector Leadership” di Institut Perkhidmatan Awam
Tarikh : 28-30 April 2014

Dayang Faridah binti Haji Kaderi @ Bujang
Kursus Adat Istiadat (Protokol) di Jabatan Adat Istiadat
Tarikh : 28-30 April 2014

Mesyuarat Persiapan Joint Exhibition Brunei – Thailand 2014

Oleh : Azman Haji Abdul Rahim
Foto : Haji Roslan Haji Mohd. Daud

THAILAND. – Pada 29 April yang lalu, dua delegasi daripada Jabatan Penerangan telah menghadiri Mesyuarat Persiapan Memorandum Persefahaman (MoU) Brunei - Thailand. Pegawai Penerangan Kanan, Awang Azman dan Haji Abdul Rahim dan Pereka Tingkat II, Awang Haji Roslan bin Haji Mohd. Daud telah menghadiri mesyuarat bagi membincangkan mengenai kerjasama di bidang penerangan di Public Relations Department (PRD), Thailand.

Mesyuarat didahului dengan perkumpulan ringkas keempat-empat delegasi dari PRD, National Broadcasting Services of Thailand (NBT), Jabatan Penerangan Brunei (JPB) dan Jabatan Radio Televisyen Brunei (RTB) bersama Executive Director, Foreign Office PRD, Puan Usanee Sritanyarat.

Hasil perbincangan adalah mengenai pelaksanaan aktiviti-aktiviti MoU Negara Brunei Darussalam -

Thailand di bidang penyiaran dan penerangan bagi tahun 2014.

Selain itu mesyuarat tersebut adalah diharap untuk dapat melahirkan perbincangan akan berjalan di dalam suasana muhibbah dan penuh interaktif serta meneliti aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan bagi menghasilkan kesan yang lebih baik daripada sebelumnya.

Mesyuarat tersebut berlangsung selama dua hari.



Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:

<http://www.penerangan.gov.bn>

<http://www.information.gov.bn>

<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

Media Sosial Penerangan:



Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri



infodept.bn



infodept_bn